

Risiko 20,000 hektar kawasan

Terkesan kenaikan aras laut menjelang 2030

Setiu

Lebih 20,000 hektar kawasan berhampiran pantai di seluruh negara dijangka berdepan risiko kenaikan aras laut menjelang 2030.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Reezal Merican Naina Meezan berkata, ia berdasarkan kajian dilakukan menerusi dokumen Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2 (RPP-2).

Beliau berkata, risiko itu dijangka meningkat kepada 23,120 hektar pada 2050 dan 33,562 hektar pada 2100.

“Menerusi kajian sama, ancaman geobencana seperti hakisan sudah berlaku di lebih 425 kilometer (km) pantai di seluruh negara dan lebih 123,000 hektar kawasan tepu bina berisiko dilanda gelombang tsunami.

“Semua maklumat pesisiran pantai itu dirangkumi sebagai Indeks Kerapuhan Pantai Negara (NCVI) yang melihat kepada tiga komponen utama iaitu CVI Fizikal, CVI Biodiversiti dan CVI Sosio-Ekonomi yang meliputi 18 parameter pengukuran serta dibahagikan kepada 175 Unit Perancangan Zon Pantai atau UPZP.

“Antara penemuan NCVI yang cukup penting adalah 35 UPZP merekodkan NCVI



REEZAL (tengah) melihat plan tapak projek pembangunan pusat pengangkutan bersepadu di bandar Permaisuri, Setiu sempena Majlis Pelancaran Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara Ke-2 di Laman Seri Rhu Sepuluh, Setiu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

di tahap sangat tinggi meliputi 10 di Selangor, enam di Kedah serta masing-masing

empat di Perak dan Pahang.

“Sebanyak 35 UPZP lagi

merekodkan NCVI di tahap tinggi iaitu tujuh di Terengganu serta masing-masing

lima di Pulau Pinang, Kedah dan Johor,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2 (RPP-2) di Laman Seri Rhu Sepuluh Setiu di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Dr Ismail Abd Mutalib dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Terengganu Dr Alias Razak.

Reezal Merican berkata, NCVI satu kaedah yang menunjukkan kepelbagaian ekosistem di sesebuah kawasan pesisiran pantai dan penilaian terhadap tahap keterdedahan atau kerapuhan kawasan berkenaan.

Katanya, ia juga bertindak sebagai *alert system* terhadap risiko yang wujud.

“NCVI ini melihat potensi bencana yang boleh berlaku sepanjang pesisir pantai akibat daripada kerapuhan, ancaman dan keterdedahan.

“Penemuan NCVI di dalam RPP-2 yang disokong oleh data saintifik antaranya daripada Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (Nahrim) yang diterbitkan pada 2019 menunjukkan Malaysia terkesan dengan isu kenaikan paras air laut dan ia dijangka turut menjejaskan kawasan pantai dalam kadar keluasan yang besar,” katanya.